

**Motif Hayat Ağacı: Dari Anatolia ke Nusantara**  
*The Hayat Ağacı Motif: From Anatolia to Southeast Asia*

*Harleny Abd Arif*  
*Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*  
*harleny@fskik.upsi.edu.my*

Received: 20 October 2025; Published: 12 December 2025

Cite this article (APA) as:

Abd Arif, H. (2025). Motif Hayat Ağacı: Dari Anatolia ke Nusantara. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 96 - 102. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/207>

**ABSTRAK**

Kajian ini meneroka ciri-ciri identiti motif Hayat Ağacı (Pohon Kehidupan) dalam seni hiasan yang berkembang dalam tamadun Seljuk Anatolia, Turki Uthmaniyah dan Nusantara. Melalui penyelidikan berasaskan lapangan dan kaedah pemerhatian, kajian ini meneliti keberadaan motif Hayat Ağacı dalam ragam hias ukiran mimbar merentasi pelbagai konteks budaya dan sejarah. Penerokaan terhadap subjek kajian dilakukan di empat [4] buah masjid dalam wilayah Turki iaitu Karamanoglu Camii [1155] di Aksaray, Divrigi Camii [1288] di Sivas, Aslanhane Camii [1289/1290] di Ankara dan Bursa Ulu Camii [1399] di Bursa manakala dua [2] buah masjid Nusantara iaitu Masjid Tgk. Di Pucok, Pidie, Aceh [1620] dan Masjid Losong Haji Mohd, Terengganu [1810]. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya pengaruh identiti yang dikongsi bersama oleh para pengukir mimbar, walaupun terdapat perbezaan dari segi latar budaya dan tempoh masa. Selain itu, kajian ini turut mendokumentasikan variasi rupa bentuk motif Hayat Ağacı yang unik, sekali gus menekankan peranannya sebagai simbol penyatuan dalam seni warisan Islam di rantau dunia Islam.

Kata Kunci: Hayat Ağacı, Pohon Kehidupan, mimbar, ukiran, warisan Islam

**ABSTRACT**

This study explores the identity characteristics of the Hayat Ağacı (Tree of Life) motif in the decorative arts of the Seljuks, Ottomans, and Southeast Asia. Through field-based research and observational methods, it examines the consistent presence of this motif in minbar carvings across various cultural and historical contexts. The exploration of the research subject was carried out on four (4) mosques in Turkey, namely the Karamanoglu Mosque [1155] in Aksaray, the Divrigi Mosque [1288] in Sivas, the Aslanhane Mosque [1289/1290] in Ankara, and the Bursa Ulu Mosque [1399] in Bursa, as well as two (2) mosques in the Nusantara region, namely the Tgk. Di Pucok Mosque, Pidie, Aceh [1620], and the Losong Haji Mohd Mosque, Terengganu [1810]. The findings reveal a shared conceptual approach among minbar carvers despite differences in cultural and temporal contexts. Furthermore, the study documents the distinctive stylized variations of the Hayat Ağacı, emphasizing its role as a unifying symbol within Islamic heritage art across the Islamic world.

Keyword: Hayat Ağacı, Tree of Life, minbar, carvings, Islamic heritage

**PENGENALAN**

Ragam hias dalam seni Islam bukan sekadar serlahan hiasan visual semata-mata. Ia berperanan sebagai medium untuk menzahirkan karya seni bernilai estetik yang teradun falsafah dan makna serta cerminan identiti budaya. Daripada pelbagai motif yang dijelmakan dalam seni ragam hias dunia Islam, motif Hayat Ağacı atau Pohon Kehidupan mempunyai makna selain fungsinya serta signifikan digunapakai merentas budaya dan zaman. Motif Hayat Ağacı, secara tradisional melambangkan kehidupan, hikmah Ilahi, dan hubungan di antara duniawi dan ukhrawi, tertanam kukuh dalam tradisi

ikonografi pra-Islam dan Islam. Selain itu, motif ini lazim ditemukan pada mimbar di ruang dalam masjid yang memberikan gambaran tentang aspirasi kerohanian dalam budaya para pengukir Islam yang menghasilkan ragam hias seni bina tersebut.

Konsep Pohon Kehidupan walau pun tidak disebut secara langsung dalam al-Qur'an, namun ia merupakan simbol kosmogoni kuno yang meluas diguna pakai, boleh ditafsirkan sebagai perlambangan kehidupan abadi atau alam akhirat. Simbolisme Pohon Kehidupan ini merujuk kepada cahaya dan kalam (yakni al-Qur'an). Cahaya itu sendiri ditafsirkan sebagai Tuhan (Doğan Kuban, 2010). Imej Pohon Kehidupan yang agung dapat dilihat dalam ukiran, wayang kulit, tenunan dan sebagainya, sekali gus menunjukkan betapa kuatnya pengaruh "kultus pokok" dalam dunia Melayu (Farish A. Noor & Eddin Khoo, 2003). Mimbar, sebagai objek ibadat utama dalam masjid, bukan sahaja berfungsi secara praktikal dalam penyampaian khutbah, tetapi turut memuatkan makna simbolik yang mendalam. Reka bentuknya, termasuk ukiran kayu yang halus, sering menggabungkan pelbagai motif hiasan yang mencerminkan nilai teologi dan estetik sesuai dengan konteks zamannya.

Dalam seni bina Islam, Hayat Ağacı kebiasaannya dizahirkan menurut pendekatan estetik Islam. Motif ini digunakan secara meluas sebagai elemen hiasan mimbar di seluruh dunia Islam. Arkitek pada zaman Anatolia Seljuk dan era Uthmaniyah sering mengaplikasikan unsur ini dalam rekaan mereka, memperlihatkan tahap kemahiran dan pemahaman simbolik yang tinggi.

Sebaliknya, penggunaan motif Pohon Kehidupan di Asia Tenggara khususnya di Tanah Melayu, Jawa, serta beberapa pulau di Indonesia memperlihatkan penggabungan gaya budaya tempatan dengan pola seni Islam. Kebanyakan mimbar Asia Tenggara diperbuat daripada kayu tropika keras, menampilkan ukiran halus serta interpretasi asli terhadap gaya Islam yang digabung dengan mitologi tempatan, motif, rekaan dan kemahiran pertukangan warisan.

Di beberapa tempat, motif Pohon Kehidupan ini membawa makna tempatan seperti kesuburan, kehidupan bermasyarakat, dan keterhubungan dengan leluhur, namun tetap mendukung tema Islam sejagat berkenaan perkembangan rohani dan kesatuan Ilahi. Walaupun motif Hayat Ağacı dikenali dan digunakan dalam tiga wilayah utama, Anatolia Seljuk, Turki Uthmaniyah dan Nusantara, kajian ilmiah yang mendalam tentang perkembangan motif ini dalam setiap konteks tersebut masih amat terhad.

Kebanyakan kajian sedia ada meneliti wilayah-wilayah ini secara terpisah dan tidak menghubungkaitkan penggunaan motif, gaya dan simbol di antara satu sama lain. Meskipun hiasan geometri dan tumbuhan dalam seni Islam telah banyak dikaji, penyelidikan yang secara khusus meneliti bagaimana motif Pohon Kehidupan diterapkan pada reka bentuk mimbar amat nadir diterokai.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk memahami perbezaan dan persamaan dari segi identiti, bentuk dan makna motif Hayat Ağacı dalam ragam hias mimbar di antara budaya Islam pada zaman Anatolia Seljuk dan era Turki Uthmaniyah dengan cakupan Nusantara. Kajian ini turut meneliti peranan motif tersebut dalam konteks reka bentuk mimbar melalui kerja lapangan dan analisis visual, meskipun terdapat perbezaan dari segi pemilihan bahan, teknik dan gaya oleh setiap budaya.

Dengan memfokuskan kepada motif Hayat Ağacı atau Pohon Kehidupan sebagai subjek kajian dalam konteks ragam hias mimbar Nusantara, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana seni Islam berperanan sebagai satu kuasa budaya penyatu serta sebagai cerminan kepelbagaian wilayah.

Kajian ini menekankan kepentingan motif yang bukan sahaja berperanan sebagai elemen dekoratif, tetapi juga sebagai pembawa makna, identiti dan kesinambungan dalam naratif peradaban Islam yang lebih luas. Lubis, M. H., & Kembaren, M. M. (2018) menyatakan bahawa usaha-usaha sebegini adalah penemuan terhadap peninggalan berharga. Hayat Ağacı merupakan warisan ketara bernilai sejarah hasil ilham oleh pengukir era Seljuk Anatolia, Turki Uthmaniyah dan Nusantara yang perlu dilestarikan sebagai warisan budaya dunia Islam.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pernyataan masalah kajian ini tertumpu kepada penerokaan terhadap rupa bentuk motif Hayat Ağacı dalam ragam hias khazanah mimbar ukiran kayu pada era Seljuk Anatolia, Turki Uthmaniyah dan Nusantara. Dalam konteks kajian ini, ciri-ciri identiti motif Hayat Ağacı bagi ketiga-tiga era tersebut

yang mencakupi era Seljuk Anatolia, Turki Uthmaniyah dan Nusantara akan dibuat perbandingan bagi mengenal pasti ciri persamaan dan ciri perbezaan selain mengungkap falsafah dan makna tersirat di sebalik motif Agung ini.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian berkaitan mimbar masjid pada zaman Seljuk Anatolia dan Turki Uthmaniyah telah dijalankan oleh Yüksel, Kasal, Erdil, dan Acar (2014), sebagaimana dibentangkan dalam kertas persidangan mereka bertajuk *A Review of Basic Interior Design Elements in Mosques from Seljuk and Ottoman Periods*. Kajian lanjutan turut dilakukan oleh kumpulan penulis sama, Yüksel, Kasal, Erdil, dan Acar (2013), yang memfokuskan kepada teknik hiasan dan pembinaan kayu tradisional dikenali sebagai *Real Kundekari*, sebagaimana didokumentasikan dalam kertas kerja bertajuk *An Old Wood Decoration/Construction Technique in Seljuk: Real Kundekari*.

Berdasarkan kajian terdahulu, perkembangan seni ukiran kayu di Semenanjung Tanah Melayu telah dibincangkan dalam karya bertajuk *Ukiran Kayu Warisan Melayu* (Baba, Z., 2010). Buku ini menghimpunkan beberapa subtopik berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh tokoh-tokoh utama, terutamanya dalam kalangan pengukir kayu tradisional Melayu yang berkemahiran tinggi. Ia membincangkan perkembangan sejarah seni ukiran kayu di Malaysia serta memperkenalkan seni ukiran tradisional secara menyeluruh. Turut ditampilkan motif hiasan yang terdapat pada panel ukiran, di samping menelusuri falsafah di sebalik keindahan artistiknya.

Buku *Spirit of Wood* (2003) karya Farish A. Noor dan Eddin Khoo pula memaparkan ilustrasi lebih daripada 40 reka bentuk mimbar tradisional. Penerbitan ini memaparkan gambar penuh mimbar dari Surau Langgar di Kelantan bertarikh 1874 dan imej bahagian gunung yang diambil dari Masjid Losong Haji Mohd di Terengganu. Masjid ini dianggarkan tahun pembinaannya pada penghujung abad ke-19. Reka bentuk gunung pada mimbar Masjid Losong Haji Mohd ini turut dijadikan antara subjek utama dalam kajian ini.

Cara masyarakat daripada latar budaya yang berbeza mengekspresikan diri mereka melalui seni, lazimnya dipandu oleh adat, kepercayaan dan tradisi, yang akhirnya menghasilkan pelbagai kaedah serta gaya penghasilan yang unik. Seni ukiran kayu tradisional di Alam Melayu lazimnya memaparkan gambaran flora berbanding fauna sebagai satu bentuk penyesuaian dengan prinsip dan larangan dalam ajaran Islam. Pembentukan serta rekaan ukiran ini menggambarkan nilai-nilai penting dalam budaya Melayu, antaranya nilai keteraturan, kepatuhan dan keseimbangan dalam kehidupan (Baba, Z., 2010).

Norhaiza Noordin, seorang tokoh pengukir kayu Melayu yang diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa memperlihatkan tahap kemahiran tinggi dalam seni ukiran. Beliau juga dikenali sebagai Adiguru Kraf Ukiran Halus dan terlibat secara aktif dalam mengekspresikan keindahan hasil kerja dan konteks reka bentuk. Penekanannya terhadap rekaan dapat dilihat dengan jelas melalui lakaran dan ilustrasi kawasan persekitaran dalam karya *Kuala Besut Sketches*. Ilustrasi tersebut menunjukkan kepekaan tokoh ini terhadap tanggungjawab dalam memelihara tradisi seni ukir Melayu. Penzahiran budaya ini secara tidak langsung mendorong refleksi sendiri dalam kalangan masyarakat, sekali gus menyumbang kepada pembentukan identiti budaya yang berpaksikan akar tradisi dan rujukan bersama (Hasan et al., 2018).

Bidang kajian yang diketengahkan ini turut mendapat perhatian ramai penyelidik dan pakar. Artikel bertajuk *The Form and Symbolism of Minbar Architecture in The Malay World* (Rashid, S., 2015), memperincikan bagaimana reka bentuk minbar berubah dalam dunia Melayu, dengan menyoroti aspek penggabungan di antara rekaan Islam dengan elemen tempatan, serta makna yang terkandung dalam setiap unsur rekaan mimbar tersebut.

Dalam artikel bertajuk *Study of Decorative Art in the Muslim Religious Monuments with Religious Significance* oleh Khan, S. (2015), penulis meneliti makna keagamaan di sebalik motif tumbuhan dalam seni Islam. Motif ini dikembangkan daripada bentuk seni Sasanian dan Greco-Rom yang dominan ketika itu, dan kemudiannya diadaptasi ke dalam struktur keagamaan Islam. Sementara itu, Ismail, H., Haron, H., Yusof, N. A., Jaafar, R., dan Othman, A. (2024) menjalankan kajian mengenai motif ukiran kayu pada mimbar di Masjid Ulul Albab, dengan meneliti bagaimana budaya tempatan mempengaruhi tema ukiran dan ciri-ciri rekaan yang diketengahkan dalam artikel *Exploring Wood Carving Motifs: The Minbar of Ulul Albab Mosque*.

Kajian terdahulu mengenai corak hiasan dalam seni ukiran kayu Melayu telah banyak diterokai oleh sarjana budaya. Sebagai contoh, Mohamed Yusof, Y., Abd Arif, H., & Abdullah, N.

(2020) mengkaji ekspresi kontemporari dalam seni ukiran, manakala Ahmad Asri dan Mohd Yusoff (2022) menumpukan perhatian kepada motif alam semula jadi dan tumbuhan dalam ukiran kayu Terengganu. Selain itu, Abd. Arif, H., Mohd Noor, A. I., Abdullah, N., & Hamzah, M. J. (2019) turut menyumbang melalui kajian mereka yang menonjolkan penggunaan tumbuhan herba sebagai sumber inspirasi kepada pengukir kayu Melayu. Kebijakan pengukir memanfaatkan alam semula jadi sebagai sumber inspirasi dalam menghasilkan ukiran mencerminkan kecerdasan watan. Menurut Apendy, W. L., Marzuki, M., & Ismail, K. (2025), kearifan tempatan dalam sesebuah masyarakat dianggap mempunyai nilai baik yang boleh diikuti dan diteladani dalam komuniti.

## **METODOLOGI**

Dalam konteks kajian ini, motif Hayat Ağacı berperanan sebagai sampel dan menjadi fokus utama analisis di lokasi-lokasi kajian yang dipilih. Pendekatan ini selaras dengan kaedah penyelidikan kualitatif yang menekankan bahawa kajian harus dijalankan dalam situasi yang sebenar dan asli. Menurut Othman Lebar (2006), salah satu objektif penyelidik adalah untuk memerhati, menggambarkan, dan mentafsir situasi sebagaimana ia berlaku secara semula jadi tanpa sebarang cubaan mengubah keadaan tersebut.

Oleh itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah kajian kes. Memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana motif Hayat Ağacı digunakan secara meluas dalam budaya Seljuk Anatolia, Turki Uthmaniyah dan Alam Melayu Nusantara, maka satu penyelidikan yang teliti adalah diperlukan. Ini bermakna memerhati proses semula jadi dalam persekitaran asalnya dan merekod data secara terperinci. Pengumpulan maklumat secara berjadual dan formal membolehkan pemahaman yang seimbang terhadap perkara-perkara utama kajian.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Selepas penaklukan Seljuk, masjid menjadi antara bangunan utama yang signifikan yang terdapat di kawasan bandar Anatolia. Seni bina keagamaan dari zaman pertengahan menunjukkan ciri-ciri tertentu yang jelas menggambarkan fungsi dan maknanya. Selain daripada ciri luaran, mimbar yang masih wujud memaparkan gambaran tentang era Seljuk dari segi agama dan seni. Khazanah mimbar terpelihara dengan baik ini dapat dilihat di Alaaddin Camii, Konya dan Karamanoglu Camii di Aksaray.

Kedua-dua mimbar bersejarah ini, yang mempunyai nilai penting, dibina serentak pada tahun 1155 Masihi, menekankan satu tempoh pemeliharaan seni bina dan ekspresi keagamaan yang aktif (Sahin, S. 2019). Berikut adalah dua contoh motif Hayat Ağacı yang dapat dilihat pada mimbar masjid bersejarah, termasuk Karamanoglu Camii (Foto 1) dan Aslanhane Camii (Foto 2), dari era Seljuk Anatolia, seperti berikut:




Foto 1: Motif Hayat Ağacı pada mimbar Karamanoglu Camii, Aksaray, Turki [1155]  
Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan semasa Program Cuti Sabatikal (01.10.23-30.06.24)



Foto. 2: Motif Hayat Ağacı Motif pada mimbar Divrigi Camii, Sivas, Turki [1288]  
Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan semasa Program Cuti Sabatikal (01.10.23-30.06.24)

Berikut pula adalah dua lagi contoh motif Hayat Ağacı yang dapat dilihat pada mimbar masjid bersejarah iaitu di Aslanhane Camii (Foto 3) pada zaman Seljuk Anatolia dan di Bursa Ulu Camii (Foto 4) pada era empayar Turki Uthmaniyah yang dapat diperhatikan seperti berikut:



Foto 3: Motif Hayat Ağacı pada mimbar Aslanhane Camii, Ankara, Turki [1289/1290]  
Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan semasa Program Cuti Sabatikal (01.10.23-30.06.24)



Foto 4: Motif Hayat Ağacı pada mimbar Bursa Ulu Camii, Bursa, Turki [1399]  
Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan semasa Program Cuti Sabatikal (01.10.23-30.06.24)

Dalam Alam Melayu, motif floral dan fauna sering dihasilkan dalam bentuk naturalistik, namun pada masa yang sama kadangkala distilasi kepada konfigurasi geometri abstrak bagi membangkitkan rasa keseimbangan, kesatuan, dan kesempurnaan estetik dalam komposisi. Elemen botani ini, yang berakar umbi dalam tradisi seni, diilhamkan oleh pemikiran falsafah Islam, melambangkan kehadiran Ilahi serta keindahan rumit dunia semula jadi sebagai manifestasi ciptaan Tuhan (Bakar, O., & Omar Basaree, R., 1995).

Penyelidikan berasaskan kajian lapangan terhadap ragam hias mimbar sepanjang abad yang lalu telah mengenal pasti persamaan visual yang ketara dalam motif Hayat Ağacı. Berikut adalah antara contoh yang ditemui dan diperhatikan pada mimbar Asia Tenggara, seperti yang dipaparkan dalam Foto 5 dan Foto 6:



Foto 5: Motif Hayat Ağacı pada mimbar Masjid Tgk. Di Pucok, Pidie, Aceh [1620]  
Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan dalam wilayah Aceh (24 April 2010)



Foto 6: Motif Hayat Ağacı pada mimbar Masjid Losong Haji Mohd, Terengganu [1810]  
Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan di Terengganu (08 Julai 2010)

## RUMUSAN

Hayat Ağacı (Pohon Kehidupan) merupakan motif khas dengan bentuk asas seakan kubah, lazim ditemukan dalam ragam hias ukiran mimbar kayu Nusantara. Motif ini memperlihatkan ciri-ciri identiti yang mirip dengan penemuan motif Hayat Ağacı dari era Turki Uthmaniyah, malah lebih awal lagi sejak dari zaman Seljuk Anatolia pada pertengahan kurun ke-12. Variasi motif Hayat Ağacı dalam elemen seni bina dan objek seni dari zaman Anatolia Seljuk dan Turki Uthmaniyah, turut tersebar luas penemuannya pada khazanah mimbar di rantau Asia Tenggara. Evolusi motif ini mencerminkan kecerdasan intelektual penggiat seni ukir tempatan dalam menzahirkan ukiran kayu

pada mimbar bernilai sejarah. Hayat Ağacı sebagaimana dimanifestasikan dalam tradisi hiasan mimbar Nusantara, berfungsi sebagai penanda pengaruh ketara yang diadaptasi dari warisan seni era Seljuk Anatolia dan Turki Uthmaniyah. Perwujudannya menyerlahkan konsep kesatuan dalam kepelbagaian melalui proses asimilasi budaya yang telah disesuaikan dengan tradisi tempatan.

## RUJUKAN

- Abd. Arif, H., Mohd Noor, A. I., Abdullah, N., & Hamzah, M. J. (2019). Herbaceous plant as Malay carver's motif inspiration. *International Journal of Technical Vocational and Engineering Technology*, 1(1), 1–7.
- Ahmad Asri, N. S., & Mohd Yusoff, M. Y. (2022). Natural and plants motifs of Malay wood carvings in Besut, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1–8.
- Apendy, W. L., Marzuki, M., & Ismail, K. (2025). *Elemen Nilai Geografi Fizikal Dalam Kearifan Tempatan Masyarakat Dayak Orang Ulu di Long Busang, Kapit, Sarawak*. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 26–41. Penerbit: Budiman Writers Association of Malaysia.
- Baba, Z. (2010). *Ukiran kayu warisan Melayu*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kompleks Kraf Kuala Lumpur.
- Baba, Z. (2010). *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bakar, O., & Omar Basaree, R. (1995). *Kesenian Islam: Suatu perspektif Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Hasan, A., Osman, O., & Abbidin, R. (2018). *Kuala Besut sketches*. Kuala Lumpur: Balai Seni Negara.
- Ismail, N. H., Haron, H., Yusof, N. A., Jaafar, R., & Othman, A. (2024). 'Exploring wood carving motifs: The minbar of Ulul Albab Mosque'. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(7), 650–666.
- Khan, S. (2015). Study of decorative art in the Muslim religious monuments with religious significance. *Journal of Asian Civilizations*, 38, (2), 95–99.
- Kuban, D. (2010). *Gates of paradise: The sculpture of Hürremşah at Divriği Ulucami and Şifahane* (p. 62). Yapı Endüstri Merkezi Yayınları.
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lubis, M. H., & Kembaren, M. M. (2018). *Tulisan Jawi: Jambatan Masa Ke Masa Silam Dan Usaha Pelestariannya*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 61–73. Penerbit: Persatuan Penulis Budiman Malaysia (Budiman Writers Association of Malaysia).
- Mohamed Yusof, Y., Abd Arif, H., & Abdullah, N. (2020). Abd. Muhaimin Bin Hasbollah: 'Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari'. *Journal of Applied Art*. Scientific Academia Network (Scientiaca).
- Noor, F. A., & Khoo, E. (2003). *Spirit of wood: The art of Malay woodcarving* Periplus Editions (HK) Ltd. p. 20.
- Rashid, S., & Ahmad, A. A. (2008). The form and symbolism of minbar design in the Malay world. *Proceedings of the International Forum on Islamic Architecture & Design (IFIAD 2008)*, University of Sharjah, United Arab Emirates.
- Sahin, S. (2019). *Islamic art: The Museum of Turkish and Islamic Arts*. The Museum of Turkish and Islamic Arts.
- Yüksel, M., Kasal, A., Erdil, Y. Z., & Acar, M. (2013). An Old Wood Decoration//Construction Technique in Seljuk; Real Kundekari. *Proceedings of the 9th International Conference of Wood Science and Engineering (ICWSE 2013)*, Braşov, Romania.
- Yüksel, M., Kasal, A., Erdil, Y. Z., & Acar, M. (2014). A Review Of Basic Interior Design Elements In Mosques from Seljuk and Ottoman Periods. *Proceedings of the VIIth International Scientific and Technical Conference*, Sofya, Bulgaria.